

'DEB agenda nasional'

UM - 27/7/2007

KUALA LUMPUR 26 Julai - Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada 1970 tidak harus dilihat dari kaca mata agenda Melayu semata-mata malah ia adalah satu agenda nasional yang menyeluruh.

Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, dasar itu diwujudkan untuk menghapuskan rasa cemburu berbilang kaum yang berasaskan kepada pentakrifan ekonomi.

"Kesan dan hasil DEB ini boleh dilihat bukan sahaja kepada orang Melayu sahaja tetapi untuk seluruh rakyat Malaysia.

"DEB sebenarnya banyak melindungi kita daripada terjebak ke dalam perbalahan antara kaum terutamanya semasa krisis kewangan sepuluh tahun dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis syarahan Za'aba 2007 Pembangunan Ekonomi Melayu dan Perpaduan Nasional anjuran Akademi Pengajian Melayu (APM) Universiti Malaya, di sini, hari ini.

Syarahan bersifat akademik kali kelima itu diadakan sejak 1996 dan merupakan wadah kepada tokoh di dalam dan luar negara untuk melontarkan buah fikiran mengenai keilmuan Melayu.

Majlis itu juga menjadi landasan kepada APM untuk meneruskan aspirasi nasional serta pembangunan kemajuan ilmu pengajian Melayu ke peringkat antarabangsa.

Menurutnya yang juga Ahli Parlimen Gua Musang, orang Melayu juga seharusnya tidak terlalu bergantung kepada 'jaring keselamatan' yang selama ini banyak dibantu oleh pihak kerajaan.

"Sudah tiba masanya Melayu berusaha dan membuktikan usaha gigih mereka membuah hasil yang dapat membuka mata kaum lain.

"Sikap terlalu bergantung atau selalu menyalahgunakan peluang yang diberi seharusnya dihentikan dan sedar kenikmatan yang diperolehi selama ini adalah hasil usaha pemimpin yang terdahulu," ujarnya.

Jelas Tengku Razaleigh, keharmonian negara yang dinikmati sekarang juga boleh musnah seandainya tidak dipertahankan dalam erti kata yang sebenar.

"Masyarakat perlu sentiasa ke depan dan mengatur langkah sendiri untuk menyahut cabaran global di peringkat tertinggi.

"Kerjasama semua kaum diperlukan agar golongan masyarakat majmuk di negara ini mencapai kedudukan yang setaraf sesama sendiri," katanya.